



TEKS UCAPAN PENYEMPURNAAN

**YB. DATO' IR. HJ. AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABDUL RAHMAN
TIMBALAN KETUA MENTERI 1 PULAU PINANG
YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG (MAINPP)
PENGERUSI ZAKAT PULAU PINANG**

SEMPENA

MAJLIS PENTAULIAHAN AMIL ZAKAT FITRAH TAHUN 2022

THE LIGHT HOTEL, SEBERANG JAYA

29 MAC 2022 (SELASA)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah bersyukur kita kehadiran Allah SWT di atas limpah perkenan-Nya, maka pada hari yang berbahagia ini, kita dapat bersama-sama berada dalam **Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang Tahun 2022**, yang dianjurkan oleh Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
2. Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah yang dianjurkan setiap tahun ini bagi memberi penerangan dan taklimat tatacara kutipan Zakat Fitrah kepada Lembaga Zakat Fitrah Kariah dalam menjalankan kutipan Fitrah dan

agihannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

3. Untuk makluman semua, prestasi kutipan Zakat tahun 2021 adalah sangat memberangsangkan dan menepati sasaran sepertimana yang dimaklumkan oleh Encik Amran Hazali dalam ucapan sebentar tadi.
4. Prestasi ini juga termasuk kutipan zakat fitrah yang telah berjaya dikutip adalah sebanyak **RM6.02 juta** berbanding tahun 2020 iaitu hanya **RM5.5 juta** sahaja menerusi Amil Zakat Fitrah yang dilantik.
5. Saya percaya banyak cabaran yang dihadapi oleh Amil Zakat Fitrah pada tahun 2021 di mana terdapat

pusat kutipan Zakat Fitrah yang mengalami kenaikan luar jangka dan ada juga pusat kutipan Zakat Fitrah yang mengalami penurunan kutipan.

6. Namun Alhamdulillah, kesungguhan para Amil yang dilantik yang berjaya mempelbagaikan kaedah kutipan sehingga mencatatkan peningkatan yang besar dalam kutipan Zakat Fitrah pada tahun 2021.

Tuan-Tuan Yang Dihormati Sekalian,

7. Saya percaya tugas memungut Zakat Fitrah sememangnya menjadi tanggungjawab yang besar kepada saudara semua untuk menyeru kewajipan zakat kepada masyarakat Islam di sekitar kariah yang di diami. Tanggungjawab yang besar tersebut berjaya

dipenuhi demi amanah yang telah diberikan. **Syabas saya ucapkan!**

8. Sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan daripada Zakat Pulau Pinang kepada para Amil yang mempamerkan kesungguhan dan kecemerlangan dalam menguruskan kutipan Zakat Fitrah pada tahun 2021, Zakat Pulau Pinang berbesar hati akan memberikan Anugerah Pengurusan Zakat Fitrah Terbaik Tahun 2021 kepada pusat kutipan yang mencatatkan prestasi cemerlang bagi kutipan Zakat Fitrah tahun 2021.

9. Anugerah Pengurusan Zakat Fitrah Terbaik Tahun 2021 dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

I. Kutipan Tertinggi

- Kategori ini dipilih berdasarkan kutipan tertinggi bagi setiap daerah.

II. Peratusan Kenaikan Kutipan Tertinggi

- Kategori ini dipilih berdasarkan peratusan kenaikan kutipan berbanding pada tahun sebelum.

III. Pengurusan Fitrah Terbaik

- Kategori ini dipilih berdasarkan kecekapan dalam pengurusan meliputi kepantasan menghantar borang cadangan amil dan fakir miskin dengan lengkap beserta minit mesyuarat.

Hadirin, Dif-dif Kehormat sekalian,

10. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah At Taubah ayat 103 yang bermaksud; *Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk)...”*
11. Ayat ini jelas menunjukkan tugas utama yang perlu dipikul oleh Amil ialah mengambil zakat dari pemilik-pemilik harta yang layak dikeluarkan zakat.
12. Hal ini menunjukkan perlunya segolongan manusia di kalangan umat Islam yang diberi kuasa secara khas untuk mengambil zakat daripada harta-harta milik umat Islam yang berkemampuan dan cukup nisabnya. Oleh yang demikian, pelantikan Amil zakat adalah sebenarnya suatu ketetapan dari Allah SWT.

13. Justeru, sangat besar amanah dan tanggungjawab Amil yang perlu digalas demi menyampaikan dakwah kewajipan membayar Zakat Fitrah pada tahun ini bagi membolehkan asnaf fakir dan miskin di Pulau Pinang dapat menikmati kegembiraan untuk menyambut Aidilfitri nanti.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

14. Tugas sebagai Amil walau nampak mudah kerana dilihat hanya menunggu umat Islam di negara ini menyerahkan wang zakat di masjid-masjid atau di surau-surau, tetapi sebenarnya ia adalah tugas yang berat kerana di sana ada perkara besar dan berat yang dipikul oleh para amil iaitu sifat jujur dan amanah.

15. Para Amil yang dilantik perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh menjaga keselamatan wang zakat, agar jangan hilang atau tercicir atau dicuri. Wang zakat hendaklah dijaga dengan sempurna dan inilah yang dimaksudkan dengan bentuk-bentuk jujur dan amanah yang dipikul oleh para Amil.

16. Amil yang berjaya melaksanakan amanah ini dengan sempurna akan diberikan ganjaran pahala yang berlipat ganda sebagaimana yang dinyatakan dalam sebuah Hadis Riwayat Abud Dawud yang bermaksud:

“Dari Rafi’ bin Khadij dia berkata bahawa Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wassalam bersabda : Amil (iaitu pegawai zakat yang berkhidmat mengutip dan mengagihkan) sedekah (zakat) dengan hak (adil dan telus) akan mendapat pahala

sebanding dengan pahala tentera yang berjuang di jalan Allah sehingga dia kembali ke rumahnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Sebagai penutup ucapan pada pagi ini, saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan di atas kesudian para hadirin khususnya Amil Zakat Fitrah yang dilantik pada tahun 2022 hadir ke Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah.

18. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBrs. Ketua Pegawai Eksekutif, YBrs. Ketua Pegawai Eksekutif Wakaf Pulau Pinang dan Kakitangan Zakat Pulau Pinang yang terlibat menjayakan majlis yang penuh barokah pada pagi ini.

19. Semoga Ramadan yang bakal menjelma tidak lama lagi, Allah SWT memberikan kesihatan dan semangat yang luar biasa kepada kita semua bagi menjalani ibadah yang istimewa ini dengan penuh keikhlasan dan keinsafan, insha Allah.

20. Dengan lafaz ***Bismillahi Rahman nir Rahim*** saya menyempurnakan Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang Tahun 2022.

21. Sekian, ***Wabillahitaufik Walhidayah***
Wassalamualaikum Warahmatulahi wabaratu.